

03/06/1998

LTG penuhi keperluan keselamatan pengguna

Hizral Tazzif Hisham

LESTER Technology Group Sdn Bhd (LTG), memperkenalkan teknologi enkripsi LTG CA Suite, bagi memenuhi keperluan keselamatan pengguna Internet serta menjadi syarikat Malaysia pertama mempunyai teknologi pengesahan urus niaga digital.

LTG CA Suite menyediakan sokongan terhadap enkripsi Kunci Awam dan Kunci Peribadi untuk pengesahan urus niaga dalam ruang siber. Ia merangkumi Enterpris CA dan Urus Niaga Elektronik Selamat (SET) CA yang memenuhi keperluan pelbagai peringkat pengguna sama ada Pembekal Perkhidmatan Internet kepada orang awam.

LTG CA Suite menyokong algoritma simetrik 128 bit dan algoritma Kunci Awam 1024 atau 2048, iaitu antara yang terbaik di pasaran.

Pengerusinya, Mirzan Mahathir, berkata LTG bercadang memasarkan teknologi enkripsi keluaran syarikat itu ke seluruh dunia kerana beliau percaya ia dapat diterima di peringkat antarabangsa.

"Perkembangan pesat kegiatan perdagangan elektronik (E-Commerce) membolehkan produk teknologi perlindungan data terus mendapat tempat," katanya dalam sidang akhbar sempena pembukaan ibu pejabat LTG oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie di Balakong, minggu lalu.

Menurutnya, teknologi enkripsi itu membolehkan LTG bertindak sebagai Certification Authority (CA) di peringkat nasional, Asia dan di seluruh dunia," katanya.

CA adalah pihak ketiga yang menyediakan sijil bersifat digital bagi membantu pembentukan sistem perlindungan dan mengenal pasti individu atau organisasi dalam Internet.

Ia membenarkan individu, syarikat dan organisasi kerajaan mengendalikan transaksi dan komunikasi dengan penuh yakin dan selamat.

Mirzan berkata, pasaran teknologi perlindungan data terbuka luas berdasarkan pemerhatian beliau mengenai kegiatan e-commerce di dunia dijangka mencecah AS\$200 bilion menjelang tahun 2000.

"Di Asia saja kegiatan e-commerce dijangka mencecah AS\$80 bilion menjelang tahun 2003," katanya.

Peluang masih terbuka luas di negara ini dengan 250,000 syarikat yang menjadi pelanggan berpotensi serta penggunaan kad kredit yang kini sudah mencapai 10 juta.

"Begitu juga, pertumbuhan kegiatan yang menggunakan aplikasi teleperubatan, kerajaan elektronik dan perbankan elektronik yang turut mampu menjadi pemangkin pertumbuhan produk teknologi perlindungan data," katanya.

Syarikat itu juga melihat peluang menguasai pasaran melalui kerjasama dengan sektor perbankan dan syarikat insurans.

"Kami juga merancang menjadikan teknologi perlindungan data diguna secara meluas dalam tujuh aplikasi perdana kegiatan utama di Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya yang turut menyatakan langkah syarikat untuk memohon status syarikat MSC.

(END)